

NAHWAN NUR PERTAHANKAN KEJUARAAN

- FESTIVAL NASYID KEMERDEKAAN IPT PERINGKAT KEBANGSAAN 2008/1429

Oleh : Rosemifariza Ramlan dan Mohd Izwan Izhar Haris

29 Ogos 2008 – Dewan Kapitol UniMAP sekali lagi menjadi saksi kehebatan Universiti Putra Malaysia (UPM) apabila dinobatkan sebagai Johan Festival Nasyyid Kemerdekaan IPT peringkat Kebangsaan edisi ke-5. Kumpulan Nasyyid Universiti Putra Malaysia (UPM) atau lebih dikenali dengan Kumpulan Nahwan Nur, telah memenangi pertandingan ini bagi tiga tahun berturut-turut bermula dari tahun 2006 lagi.

Lagu Wacana Merdeka dan Cemerlang Akhlak Sahsiah Terpuji telah memikat hati juri untuk menobatkan Kumpulan Nahwan Nur sebagai johan. Selain itu, kumpulan ini juga ditabalkan sebagai Kumpulan Persembahan terbaik dan membawa pulang wang tunai RM 500.00. Sebagai johan, Kumpulan Nahwan Nur juga turut membawa pulang Piala Pusingan Festival Nasyyid Kemerdekaan, piala iringan, wang tunai RM 2,500.00 dan sijil penyertaan.

Sementara itu, Kumpulan In-Shoff dari tuan rumah iaitu Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) yang mempertaruhkan lagu Berkat Perpaduan dan Ceritera Merdeka telah merangkul Naib Johan di dalam festival tersebut. Kumpulan In-Shoff membawa pulang wang tunai RM 2,000.00, piala iringan dan sijil penyertaan. Selain itu, Kumpulan In-Shoff juga memenangi kostum terbaik dan turut membawa pulang hadiah wang tunai RM 500.00 dan piala iringan.

Bagi tempat ketiga pula, jatuh kepada kumpulan D'Mai daripada Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS). Kumpulan D'Mai telah membawa pulang wang tunai RM 1,500.00, piala iringan dan sijil penyertaan.

Pertandingan Festival Nasyyid Kemerdekaan ini telah diadili oleh Panel Hakim yang telah dijemput khas dari Kuala Lumpur, dan amat terkenal dalam industri nasyyid. Antaranya ialah komposer dan penerbit album terkenal iaitu Saudara Farihin Abdul Fatah, penulis lirik nasyyid terkenal iaitu Saudara Mohd Radzi Sulaiman atau lebih dikenali dengan nama Ito Lara, dan Saudara Ahmad Fazli iaitu penyanyi dan ketua kumpulan nasyyid terkenal Far East.

Sebanyak 6 kumpulan yang bertanding pada malam tersebut iaitu daripada Universiti Teknologi Petronas (UTP), Universiti Teknologi Mara Cawangan Arau (UiTM Arau), Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) dan tuan rumah Universiti Malaysia Perlis (UniMAP).

Festival ini adalah program tahunan universiti bersempena sambutan Bulan Kemerdekaan, dan bertujuan untuk membina semangat patriotik dikalangan Mahasiswa IPT melalui penyampaian lagu-lagu nasyyid. Majlis penutup festival tersebut dirasmikan oleh Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri Perlis (Agama Islam dan

Pembangunan Hadhari), YB Jaffer Othman yang mewakili YAB Menteri Besar Perlis. Beliau seterusnya berbesar hati menyampaikan hadiah untuk para pemenang. Turut hadir bagi memeriahkan festival tersebut ialah, Y.Bhg. Brig. Jen. Dato. Prof.' Dr. Kamarudin Hussin Naib Canselor UniMAP dan Pegawai-Pegawai Utama universiti.

